



**PIAWAI BRUNEI DARUSSALAM
BRUNEI DARUSSALAM STANDARD**

MAKANAN HALAL

**MAJLIS UGAMA ISLAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Hak Cipta Terpelihara

Majlis Ugama Islam
Negara Brunei Darussalam

Makanan Halal

PIAWAI BRUNEI DARUSSALAM
PBD 24:2007
Edisi Pertama

Adalah dimaklumkan bahawa pematuhan ke atas Standard Negara Brunei Darussalam ini tidak memberikan sebarang imuniti dari sebarang keperluan undang-undang di dalam mana-mana kontrak kerana mematuhi Standard ini.

Standard Negara Brunei Darussalam akan disemak semula dari masa ke semasa menurut keperluan industri makanan halal tempatan dan bagi mengikuti perkembangan industri-industri yang berkenaan. Cadangan-cadangan pindaan akan dicatat dan pada waktu yang sesuai dan akan dikemukakan kepada jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan.

Pindaan-pindaan yang dilakukan sejak penerbitan

No. Pindaan	Tarikh Pengeluaran	Teks Yang Terlibat

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Prakata	4
Keahlian Jawatankuasa	6
1. Skop	8
2. Definisi	8
3. Keperluan	10
4. Pematuhan	21
Gambar Rajah	
1. Anatomi ayam (leher)	15
2. Bahagian penting untuk penyembelihan ayam	15
3. Kaedah penyembelihan ayam	16
4. Anatomi lembu-kerbau (leher)	16
5. Bahagian penting untuk penyembelihan lembu-kerbau	17
6. Kaedah penyembelihan lembu-kerbau	17
Lampiran	
A. Ejaan Tulisan Arab	22
B. Kaedah Mencuci dan Menyamak Najis Menurut <i>Hukum Syara'</i>	23
Penghargaan	25

PRAKATA

Standard Negara Brunei Darussalam bagi Makanan Halal ini disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi Pembangunan Standard dan Garis Panduan Kebangsaan bagi Makanan Halal di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam.

Standard ini diterbitkan bagi memenuhi permintaan semasa industri makanan halal tempatan. Ia memperincikan syarat-syarat bagi produk makanan atau perniagaan atau perdagangan makanan di Negara Brunei Darussalam. Standard Negara Brunei Darussalam untuk Makanan Halal meliputi garis panduan am tentang pengeluaran, penyediaan, pengendalian, pengagihan dan penyimpanan makanan halal.

Penghargaan diberikan kepada Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kerana menyediakan draf bagi standard ini.

Dalam menyediakan standard ini, rujukan kepada sumber-sumber berikut telah dibuat:

- i) ASEAN General Guidelines on The Preparation And The Handling of Halal Food, Food Handling Publication Series No.1.
- ii) Codex Guidelines for use of the term *Halal* CAC/GL 24-1997.
- iii) Al-Jardani, Fath al-'Allam (Volume 1, pp 248 - 256), Dar as-Salam, Kaherah. 1410H/1990.
- iv) Guidelines on The Control of Muslim Consumption Goods and Foods, Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapore (MABIMS).
- v) Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 (S 39/05). Negara Brunei Darussalam.
- vi) Akta Daging Halal (Chapter 183). Negara Brunei Darussalam.
- vii) Peraturan Daging Halal (R1 Bab 183). Negara Brunei Darussalam.
- viii) Standard Malaysia MS 1500:2004 Makanan Halal-Pengeluaran, Penyediaan dan Penyimpanan-Garis Panduan Umum (Semakan Pertama).
- ix) Al-Khatib asy-Syarbini, Mughni al-Muhtaj (Jilid 1, m.s 84), Dar al-Fikr.
- x) Mu'jam Lughat al-Fuqaha' (Dictionary of Islamic Legal Terminology) Arabic-English; Edisi Pertama, 1985.

- xi) Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Bab 182). Negara Brunei Darussalam.
- xii) Peraturan Kesihatan Awam (Makanan) (R1 Bab 182). Negara Brunei Darussalam.
- xiii) Fatwa Mufti Kerajaan (Serial 19/2004), Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

KEAHLIAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Standard dan Garis Panduan Kebangsaan bagi Makanan Halal telah diamanahkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk menyediakan standard ini. Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal adalah terdiri dari:

Setiausaha Tetap (Pengerusi)	Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Setiausaha Majlis Ugama (Timbalan Pengerusi Bersama)	Jabatan Majlis Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pengarah Hal Ehwal Syariah (Timbalan Pengerusi Bersama)	Jabatan Majlis Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pengarah Unit Undang-Undang Islam	Unit Undang-Undang Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.
Pengarah Pertanian	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.
Ketua Bahagian Pembangunan Agroteknologi	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.
Ketua Bahagian Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.
Ketua Pegawai Penyelidik Ugama	Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.
Pegawai Ugama Kanan	Bahagian Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pegawai Projek Kanan	Pusat Akreditasi dan Standard Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber- Sumber Utama.
Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan	Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri.
Pegawai Tugas-Tugas Khas	Kementerian Pembangunan.
Timbalan Dekan	Universiti Brunei Darussalam.
Pengurus	BMC Food Industries Sdn. Bhd.
Pengarah Eksekutif	PDS Abattoir Sdn. Bhd. dan PDS Meat Industries Sdn. Bhd.
Pengurus	Mulaut Abattoir Sdn. Bhd.
Pengurus	Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd.

STANDARD MAKANAN HALAL NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. SKOP

Standard Negara Brunei Darussalam ini mengandungi garis-garis panduan yang praktikal bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk penambahan nutrien) dan bertujuan untuk menyediakan peraturan asas bagi produk makanan serta perniagaan atau perdagangan makanan di Negara Brunei Darussalam. Standard ini hendaklah digunakan bersama-sama dengan undang-undang Negara Brunei Darussalam dan standard-standard serta garis-garis panduan lain yang berkenaan yang diterima pakai oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam.

2. DEFINISI

Bagi tujuan standard ini, definisi-definisi berikut hendaklah diguna pakai:

2.1 Pihak Berkuasa yang Bertauliah

Pihak berkuasa yang bertauliah adalah agensi yang diamanahkan oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk menjalankan tugas khusus mengikut keperluan yang telah ditetapkan.

2.2 Pihak Berkuasa Islam yang Bertauliah

Pihak Berkuasa Islam yang Bertauliah bermakna Majlis atau Badan Ugama Islam yang diamanahkan oleh Majlis untuk menjalankan tugas khusus mengikut keperluan yang telah ditetapkan.

2.3 Halal

Benda atau perbuatan yang dibenarkan oleh *Hukum Syara'* dan tidak akan dikenakan azab kepada orang-orang yang melakukannya.

2.4 Makanan Halal

Makanan Halal bermaksud makanan yang layak dimakan oleh manusia dan yang dibenarkan oleh *Hukum Syara'* serta memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) makanan tersebut atau ramuannya tidak mengandungi mana-mana bahagian atau produk daripada haiwan yang tidak halal kepada orang Islam menurut *Hukum Syara'* atau produk daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut *Hukum Syara'*;
- (b) makanan tersebut tidak mengandungi sebarang ramuan daripada bahan najis mengikut *Hukum Syara'*;